

22/08/2003

Masa daftar 20, tapi yang muncul cuma tiga orang

JUMAAT lepas wak terserempak dengan Sally di pejabat. Merah padam mukanya macam udang kena bakar. Nak dikata terlebih bermekap, tak juga. Kali ini `mekapnya' lain sikit.

Pun begitu Sally tak tegur Wak dan Wak pun buat selamba sajalah. Buat apa nak ditegur... sebab Wak tahu dia tengah bengang dengan Wak sebab pecahkan rahsianya. Tapi itulah kenyataannya, cuma Sally saja yang tak mahu terima hakikat.

Baiklah, minggu ni Wak tak nak cerita hal Sally. Cukuplah sekali. Wak ada perkara lebih penting nak diceritakan kepada kaki pancing.

Baru-baru ini Wak kembali ke Kelanang, Banting, Selangor bagi membuat liputan mengenai penggunaan net hauler. Wak pun ikut sama dengan peserta kursus ke laut bagi melakukan praktikal penggunaan net hauler.

Pada Wak, net hauler memang bagus tapi kata pegawai Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) yang mengendalikan kursus itu, beberapa siri seminar dan kursus mengenai teknologi penangkapan ikan oleh LKIM sebelum ini sering tidak mendapat sambutan nelayan.

Ada ketikanya, walaupun 20 peserta sudah mendaftar awal tetapi pada hari kursus diadakan, yang datang cuma 3 atau empat orang. Jadi bagaimana ilmu menangkap ikan nak disampaikan kepada nelayan? Sampai bila nelayan kita akan terus sinonim dengan gelaran nelayan tradisional sedangkan bangsa lain sudah maju jauh di depan dengan pelbagai peralatan penangkapan ikan moden. Hari ini nelayan negara maju sudah menggunakan alat echosounder atau peralatan lebih canggih di bot mereka tetapi di Kuala Langat, walaupun ada lebih 1,000 nelayan namun tak sampai pun 5 peratus yang gunakan alat berkenaan atau yang seumpamanya di dalam bot mereka.

Nelayan lebih suka menggunakan tali dengan pemberat yang dijatuhkan ke dalam air dan menariknya semula ke atas untuk mengetahui kedalaman air laut sebelum melabuhkan jaring. Sedangkan di negara maju, dengan peralatan moden sedia ada, mereka hanya perlu melihat skrin echosounder untuk mengetahui kedalaman air dan terus melepaskan jaring. Kan mudah tu!

Wak sebenarnya terkejut dengan berita seperti itu. Wak tahu LKIM banyak berusaha memperkenalkan pelbagai cara dan teknik penangkapan ikan. Malah bantuan dari segi kewangan dan subsidi peralatan penangkapan ikan pun dilakukan LKIM bagi meningkatkan imej, pendapatan dan nasib nelayan supaya belunggu kemiskinan tidak lagi dihadapi golongan ini. Tapi pada Wak jika sikap seperti itu terus membelunggu minda nelayan, Wak yakin pada 2020 sekali pun, imej nelayan kita tetap sama.

Detik itu (2020) negara mungkin sudah mencapai status negara maju sebagaimana wawasan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Tapi jika sikap sebegini terus membelunggu minda nelayan kita, usahlah harap status kemiskinan akan berkurangan di kalangan nelayan. Sebaliknya percayalah, jumlah kemiskinan di kalangan nelayan akan meningkat berdasarkan kepada corak perbelanjaan yang semakin meningkat saban tahun sedangkan hasil tangkapan semakin kurang dari hari ke hari.

Sepuluh tahun lalu, pendapatan nelayan sebanyak RM800 sebulan memang lumayan, tetapi apa ada dengan nilai RM800 pada 20 tahun dari sekarang?